

# Negara Islam harus elak jadi hamba hutang: Mahathir

BH - 17/5/2005

NEGARA Islam mesti membangunkan institusi perbankan Islam sebagai sumber pembiayaan yang bukan riba dan mengelak menjadi hamba hutang institusi asing, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, negara yang meminjam daripada bank dan institusi asing yang mengamalkan faedah tidak wajar seperti Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia menghadapi risiko menjadi "semacam hamba hutang kepada peminjam".

Katanya, kerajaan di negara Islam harus terlebih dulu melihat kepada sumber tanpa riba dalam pencarian untuk pembiayaan projek.

"Tiada sebab kenapa umat Islam dan negara Islam tidak boleh mendapat kemudahan kepada pembiayaan Islam untuk apa juga keperluan.

Kemahiran di dalam pengurusan perbankan Islam sudah dimajukan.

"Cara dan sistemnya sudah ada. Kitalah yang memutuskan sama ada kita patut mengguna pakai kekeyakinan kita mengikut agama kita atau tidak," katanya pada persidangan kewangan Islam di Dubai, kelmarin.

Dr Mahathir berkata, negara Islam

perlu keazaman politik untuk membangunkan institusi kewangan Islam mereka.

Beliau berkata, negara Islam yang kaya harus menganggapnya tugas mengadakan kemudahan perbankan Islam bagi menyelamatkan umat Islam daripada sebarang bentuk perhambaan hutang.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak akan "membuat penghakiman kepada sesiapa jika kemudahan seumpama itu tidak didapati di negara Islam."

Pakar kewangan Islam menegaskan bahawa banyak negara Islam masih tidak bersedia mewujudkan rangka kerja perundangan bagi sektor itu, yang sedang berkembang popularitinya di kalangan penduduk dan menyaksikan pertumbuhan besar.

"Hari ini perbankan Islam telah memajukan instrumen baru untuk bersaing dengan perbankan riba dan mengadakan alternatif lebih baik. Hasilnya perbankan Islam sudah membangunkan instrumen baru untuk bersaing dengan perbankan riba dan mengadakan alternatif lebih baik.

"Hasilnya perbankan Islam menjadi lebih menarik," kata Dr Mahathir.

Beliau mengingatkan bahawa

"meminjam melebihi keupayaan kita untuk membayar balik boleh mengakibatkan negara Islam menjadi hamba hutang kepada negara lain".

Setengah negara berhutang yang miskin menghabiskan sehingga 85 peratus daripada hasil kerajaan untuk membayar balik pinjaman dan bagi menjamin pembayaran balik agensi-agensi antarabangsa seperti IMF akan secara literal mengambil alih pengurusan ekonomi negara itu, kata bekas Perdana Menteri.

Menegur hutang asing Amerika Syarikat (AS) yang besar, Dr Mahathir berkata, jika sesebuah negara itu kuat, maka ia boleh terus membelanjakan wang dipinjam tanpa bimbang kemungkiran pembayaran hutang.

"Kamu tidak perlu membayar kerana pemiutang kamu tidak berani menjadikan kami mufis. AS tidak bermasalah walaupun berhutang kepada dunia AS\$8 trilion. Jika ia menjadi mufis, ia dan pemiutang akan kehilangan wang mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, pemiutang sudah kehilangan sepertiga daripada wang yang dipinjamkan oleh AS kepada mereka kerana nilai dolar sedang jatuh. - Bernama